



BERSEMANGAT...sebahagian pelajar baru UPM melafazkan ikrar, semalam.

Pelajar baru bebas jangkitan

SERDANG: "Setakat ini kita berpuas hati dengan proses pendaftaran pelajar baru ini kerana hasil ujian saringan terhadap Influenza A H1N1 yang dilaksanakan juga mendapat semuanya bebas daripada sebarang tanda penyakit itu," kata Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Bacaan Ikrar Pelajar Baru UPM Sesi 2009/2010, semalam.

Nik Mustapha berkata, walaupun kelmarin terdapat pelajar yang diarahkan pulang untuk tujuan tahanan rumah atau 'home quarantin', pelajar itu dijangka membuat pendafataran kemasukan pada hari ini.

"Memang menerusi ujian saringan H1N1 yang diadakan pada Ahad lalu mendapat pelajar itu

mempunyai tanda menyangai wabak H1N1 apabila mengalami demam, namun hasil perkembangan terkini, kami dimaklumkan demam yang dialaminya itu sudah sembah.

"Bagaimanapun, kita akan tetap mengarahkan dia untuk membuat pemeriksaan semula di Pusat Kesihatan UPM sebelum mendaftar masuk ke penempatan yang ditetapkan bagi mengesahkan sama ada demam yang dialami itu betul-betul sudah sembah atau tidak," katanya.

Menurutnya, walaupun sehingga semalam hanya seramai 3,600 pelajar saja yang mendaftar masuk sebagai pelajar baru dan sudah melepassi tempoh dua hari ujian saringan yang diadakan UPM iaitu pada Sabtu dan Ahad lalu, namun pihaknya tetap mewajibkan baki pelajar yang akan dijangka mendaftar sehingga Jumaat ini untuk membuat pemeriksaan di Pusat Kesihatan UPM.